

DW 5.3: Cadangan Menaik Taraf dan Menambah Bilangan Gerai Buah-Buahan Segar

Gerai buah-buahan segar (GBBS) yang aktif beroperasi di dalam kawasan Johor Tengah hanya berada di daerah Batu Pahat iaitu Bandar Batu Pahat dan Senggarang. Cadangan menaik taraf dan menambah bilangan GBBS adalah seperti berikut:

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Mewujudkan GBBS yang lebih tersusun dan merangkumi kesemua daerah termasuk daerah Kluang dan Mersing.
- Menambah bilangan GBBS sedia ada untuk membantu pekebun-pekebun kecil memasarkan hasil buah-buahan.
- Menaik taraf dua (2) GBBS sedia ada di Batu Pahat bagi meningkatkan nilai jualan dan pendapatan usahawan melalui tarikan pengunjung ke atas konsep keseragaman dan kebersihan gerai.

Komponen Cadangan:

- Lot perniagaan.
- Rak jualan buah.
- Papan tanda perniagaan.
- Papan tunjuk arah.
- Lain-lain bahan promosi.

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (FAMA dan Usahawan Petani)

Cadangan pecahan jualan buah-buahan:

- 60% buah tempatan/bermusim/tanaman kontan/produk pertanian.
- 40% Buah import/IKS/produk pertanian tambah nilai/produk pelengkap

Buah-buahan Segar Utama Bagi Setiap Daerah Sebagai Produk Utama Untuk Dipasarkan Di Gerai Buah-buahan Segar (GBBS):

DAERAH BATU PAHAT

- Betik
- Cempedak
- Buah Naga
- Kelapa



DAERAH KLUANG

- Ciku
- Nanas



DAERAH MERSING

- Rossele
- Nangka



CADANGAN LOKASI

Cadangan lokasi **penambah baikan** ialah di **Batu Pahat** sementara cadangan **GBBS baru berlokasi di Simpang Renggam, Kluang dan Kampung Tenglu, Mersing.**

Pemilihan lokasi cadangan mengambil kira **faktor kemudahsampaian kepada pembeli dan pengeluar** (kawasan tanaman makanan).

Daerah	Naik Taraf GBBS Sedia Ada	Cadangan GGBS Baru
Batu Pahat	2	-
Kluang	-	1
Mersing	-	1
Jumlah	2	2

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • BPEN Johor • FAMA 	<ul style="list-style-type: none"> • FAMA • Pengusaha • Usahawan • Petani

ANGGARAN KOS


- Kos anggaran pembinaan baharu dan naik taraf: RM 1,000,000 bagi setiap cadangan.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 4,000,000

FASA PELAKSANAAN



Rajah 4.63: Objektif Penubuhan Gerai Buah-Buahan Segar



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Gerai Buah-Buahan Segar sedia ada di Senggarang Bandar Batu Pahat merupakan GBBS jenis berstruktur Kanopi yang bersifat separa kekal. Faktor ini mempengaruhi keselesaan usahawan untuk berniaga, kepuasan pengguna serta daya tarikan pelanggan.

Oleh itu cadangan menaik taraf serta pembangunan GBBS baru di Johor Tengah ialah jenis berstruktur bangunan yang bersifat kekal. Dengan ini, keselesaan, kekemasan serta kebersihan dapat dimaksimakan untuk menarik perhatian pelanggan.

GBBS Sedia Ada




Foto: Contoh GBBS Sediada
 Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Cadangan GBBS



Foto: Cadangan Menaik taraf Gerai GBBS
 Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Rajah 4.64: Cadangan Gerai Buah-Buahan Segar Johor Tengah



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:

- Cadangan GBBS Kekal
- GBBS Sedia Ada
- Taburan Kampung Batu Pahat
- Taburan Kampung Kluang
- Taburan Kampung Mersing
- Sempadan Daerah
- Sempadan Fasa 2
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut

Daerah	Lokasi	Justifikasi Cadangan
Batu Pahat	<u>GBBS Sedia Ada</u> 1 - GBBS Bandar Batu Pahat 2 - GBBS Seggarang	Menaik taraf daripada GBBS Kanopi kepada pembangunan kekal
Kluang	<u>Cadangan GBBS Kekal</u> 3 - Pekan Simpang Renggam	Pembangunan GBBS kekal
Mersing	<u>Cadangan GBBS Kekal</u> 4 - Kampung Tenglu	Pembangunan GBBS kekal